

Soalan No: 69

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
[JASIN]****TARIKH : 7.8.2017****SOALAN :**

Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tugas, tanggungjawab dan kuasa DBP, PBT dan SSM dalam memastikan bahasa Melayu didaulatkan selaras dengan perkara 152 Perlembagaan Negara, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dan Dasar MBMMBI kerana penggunaan bahasa Melayu di bawah bidang kuasa masing-masing dan di kalangan rakyat, sektor awam serta sektor swasta kini nampaknya semakin bercelaru, terpinggir dan memalukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) menghuraikan lebih lanjut peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa bagi maksud rasmi yang perlu digunakan dalam segala urusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Awam. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berperanan mengangkat martabat dan mempertahankan bahasa Melayu seperti dalam tujuan penubuhan DBP yang digariskan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka

1959 supaya Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan dihormati semua rakyat Malaysia.

DBP bertanggungjawab memperkasakan penggunaan bahasa Melayu, antaranya melalui langkah berikut:

- (1) Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dengan melibatkan kementerian dan agensi lain, serta sokongan agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.
- (2) Melaksanakan Program Audit Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam bertujuan membuat penilaian tentang tahap dan mutu bahasa Melayu yang digunakan bagi maksud urusan rasmi kerajaan.
- (3) Membuat pemantauan bahasa ke atas sektor awam termasuk syarikat berkaitan kerajaan dan pemantauan bahasa di tempat awam yang merangkumi paparan iklan di kawasan PBT seluruh negara.
- (4) Melaksanakan Program Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mulai tahun 2013.
- (5) Melaksanakan Penguatkuasaan Pengesahan Bahasa dalam Iklan di Tempat Awam iaitu pelanggan (pengiklan dan agensi pengiklanan) PBT perlu mendapatkan pengesahan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul daripada DBP sebelum menyiarkan iklan di tempat awam.
- (6) Membantu KPM menjayakan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dalam sektor pendidikan.